

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.11.2014**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah “Maintenance Fee” yang dibayar oleh pemilik pangsapuri akan dikecualikan GST. Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan GST ke atas “Maintenance Fee” yang dikenakan kepada penduduk pangsapuri, melihat ia merupakan suatu bebanan untuk mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan bahawa yuran penyelenggaraan atau *maintenance fee* dengan izin yang dibayar oleh pemilik pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah sahaja yang akan dikecualikan atau *exempt supply* dengan izin dari GST. Pengecualian yang diberi adalah untuk mengurangkan beban penghuni yang merupakan golongan berpendapatan rendah.